

14/09/1998

Abim akui PM ada kuasa mutlak

KAJANG, Ahad - Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Ahmad Azam Abdul Rahman, mengakui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai kuasa mutlak memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan.

"Kita tidak mempersoalkan (kuasa mutlak Dr Mahathir). Tetapi kita kena faham kita memperkatakan mengenai orang nombor dua dalam negara. Kalau terjadi apa-apa kepada Dr Mahathir, orang nombor dua itu akan ambil alih tempat beliau.

"Kita bukan mahu mempertahankan Anwar bersalah atau tidak atau cuba merendahkan sistem. Kita mempertahankan prinsip keadilan dan kebenaran," katanya pada Muktamar Sanawi Ke-27 Abim di Pusat Latihan Abim di Sungai Ramal Dalam, hari ini.

Beliau berharap, kerajaan memberi maklum balas terhadap mesej yang cuba diperjelaskan oleh Abim melalui gerakan reformasi.

Katanya, Abim sentiasa bersedia memberi pandangan ikhlas dan membina.

(END)